

Permohonan Kemasukan ke **TINGKATAN 4 MRSM** **Tahun 2014** SEMENANJUNG MALAYSIA

A. SYARAT-SYARAT MEMOHON SECARA ONLINE

1. Pelajar Bumiputera tingkatan tiga di Semenanjung Malaysia dan pelajar bukan Bumiputera (tingkatan tiga yang sedang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan) di Semenanjung Malaysia.
2. Pelajar yang sedang menuntut di **Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI)** Kementerian Pendidikan Malaysia **tidak dibenarkan memohon** dan tidak akan ditawarkan ke MRSM.
3. Pemohon hendaklah lulus **Peperiksaan Percubaan PMR 2013** di Sekolah Menengah Kebangsaan dengan memperoleh sekurang-kurangnya **lulus dalam subjek Matematik dan subjek Sains**.

B. CARA MEMOHON KATA LALUAN

1. Pemohon boleh mendapatkan kata laluan secara percuma di **Pejabat MARA Negeri, Pejabat MARA Daerah atau Maktab Rendah Sains MARA** mulai **29 September** hingga **18 Oktober 2013**. Pemohon boleh mengisi borang permohonan secara online mulai tarikh tersebut.
2. Sila bawa salinan kad pengenalan dan **keputusan Peperiksaan Percubaan PMR 2013** yang disahkan benar serta angka giliran PMR 2013, semasa mendapatkan kata laluan.
3. Pemohon mestilah mengisi semua maklumat yang diperlukan dalam borang permohonan secara online dan memastikan borang tersebut dihantar secara online.
4. Pemohon mestilah menghantar cetakan borang dan dokumen yang berkaitan ke alamat seperti di bawah:

(Permohonan Ke Tingkatan 4 Tahun 2014)

**Pengarah,
Bahagian Pendidikan Menengah,
Tingkat 19, Ibu Pejabat MARA, Jalan Raja Laut, 50609 KUALA LUMPUR.**

C. UJIAN KECENDERONGAN KEMASUKAN KE MRSM (UKKM)

1. Pemohon akan menduduki UKKM pada tarikh antara **25 hingga 29 Nov 2013**.
2. Tempat dan tarikh ujian akan dipilih oleh pemohon semasa mengisi borang permohonan secara online.

NOTA:

1. Keutamaan diberikan kepada pemohon daripada keluarga berpendapatan rendah
2. Hanya permohonan yang memenuhi syarat kelayakan sahaja akan dipertimbangkan.
3. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
4. Pemohon yang tidak menduduki UKKM tidak akan dipertimbangkan.
5. MRSM menawarkan jurusan Sains Tulen sebagai jurusan utama.

D. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN MASUK KE MRSM

1. Mendapat sekurang-kurangnya **6A 2B (A dalam Matematik dan Sains)** dan tiada gred C, D atau E bagi subjek teras dalam PMR tahun 2013.
2. Mendapat **markah yang tinggi dalam Ujian Kecenderungan Kemasukan ke MRSM (UKKM)**.

E. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

1. Tarikh akhir permohonan secara online pada **18 Oktober 2013**.
2. Tarikh akhir menghantar cetakan borang dan dokumen yang berkaitan selewat-lewatnya pada **25 Oktober 2013**.
3. Pemohon boleh menyemak keputusan ke MRSM pada bulan Februari 2014. Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang jawapan sehingga **30 April 2014** permohonan anda dianggap **tidak berjaya**.